

PENGESAHAN

Bahan
anggaran

SUMBER PUSTAKA
BIL. I: PONDAN-LACUR DI KUANTAN
SATU TINJAUAN GAYA HIDUP

1.1	Rujukan Rancangan Komuniti dan Pondan-Lacur	1
1.2	Pondan-Lacur di Malaysia	2
1.3	Pendapat Orang Tua-tua Pondan-Lacur	3
1.4	Kependidikan Kajian	5
1.5	Guru Pengaruh	6
1.6	Maklumat Data	6
1.7	Kemahiran Dalam Pondan-Lacur	7
2.1	Kelayakan Mengambil Sijil Tinggi Pertama	8
2.2	Penilaian	9
2.3	Kewenangan Jabatan Pendidikan Yang Berdaulat dan Majlis Daerah	10
2.4	Projek Penyelidikan bagi memenuhi Syarat AL 390, Ringkas Jabatan Sosiologi dan Anthropologi Universiti Malaya, Kuala Lumpur	11
2.5	Perkongsian	11
2.6	1978/79	11
	Kesimpulan	12

ISI KANDUNGAN

		Halaman
PENGHARGAAN	i
SENARAI PETA DAN JADUAL	ii
<u>BAB I:</u>	<u>PENGENALAN</u>	1
1.1	Sejarah Ringkas Homoseksual dan Pondan-Lacur.	1
1.2	Pondan-Lacur di Malaysia	8
1.3	Pendapat Umum Terhadap Pondan-Lacur	10
1.4	Kepentingan Kajian	15
1.5	Sekop Penyelidikan	16
1.6	Sumber-Sumber Data	16
1.7	Masaalah Dalam Pengkajian	18
<u>BAB II:</u>	<u>KOMPOSISI SOSIAL DI DALAM MASYARAKAT PONDAN-LACUR</u>	20
2.1	Kesan Saikologi dan Faktor Yang Mendorong Pondan Menjadi Pelacur	20
2.2	Umur	27
2.3	Bangsa	30
2.4	Latar Belakang Keluarga	31
2.5	Tingkat Pencapaian Pelajaran	36
2.6	Perkembangan Bandar dan Pondan-Lacur	38
	Kesimpulan	39

ISI KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
<u>BAB III:</u>	
	<u>CORAK PERNIAGAAN DAN BENTUK PERKHIDMATAN PONDAN-LACUR</u>
	41
3.1	Punca-Punca Pelanggan
	41
3.2	Tempat Memberi Perkhidmatan
	43
3.3.	Jumlah Pelanggan Seminggu
	46
3.4	Waktu Bekerja
	47
	Kesimpulan
	48
<u>BAB IV:</u>	
	<u>KEHIDUPAN SEBAGAI PONDAN-LACUR</u>
	50
4.1	Pendapatan dan Perbelanjaan
	50
	Kesimpulan
	55
<u>BAB V:</u>	
	<u>PENUTUP</u>
	56
<u>BIBLIOGRAFI</u>	
	60

Jabatan Persekitaran dan Sumber Segar,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur
1970/71.

PENGHARGAAN

Jabatan

Saya berasa amat bersyukur kepada Tuhan kerana dengan keizinan dan kemahuannya juga, Projek Penyelidikan yang kecil ini dapat disiapkan. Di samping itu, saya ingin merakankan terima kasih saya kepada Encik Abdul Hadi Zakaria, yang sudi menjadi Penyelia kepada penyelidikan ini. Dengan pimpinan dan panduan daripada beliau, kajian ini dapat dijalani dan diteruskan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak-pihak dan orang-orang tertentu yang telah sudi memberi kerjasama semasa temubual dan soal-selidek dijalankan.

Akhirnya saya ingin merakankan rasa penghargaan kepada isteri saya, Cik Norlaili Abdul Samad, yang telah memberi dorongan dan kerjasama terutama dalam menyiapkan kerja taip-menaip Projek ini.

Sekian.

Jabatan Sosiologi dan Anthropologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur
1978/79.

SENARAI PETA DAN JADUAL

	<u>Halaman</u>
<u>PETA</u>	
Peta 1	Pelan kedudukan 'Kawasan Pokok Buluh' di mana Pondan-Lacur menjalankan kegiatan. 21
<u>JADUAL</u>	
Jadual 1	Faktor yang mendorong kepada Homoseks 24
Jadual 2	Jumlah Pondan-Lacur mengikut kelompok umur 29
Jadual 3	Tempat tinggal asal - dalam bandar atau luar bandar 32
Jadual 4	Bilangan penjaga mengikut pendapatan mereka 33
Jadual 5	Bilangan yang mempunyai dan tidak mempunyai ibu-bapa 34
Jadual 6	Tingkat pencapaian pendidikan Pondan-Lacur 37
Jadual 7	Perbelanjaan hidup Pondan-Lacur sebulan. 53

BAB II - O PENGENALANI - I SEJARAH RINGKAS HOMOSEKSUAL DAN PONDAN-LACUR

Gejala Homoseks adalah satu fenomena sosial yang ujud di sepanjang zaman. Fenomena ini dapat di kesan sejak zaman purbakala lagi. Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa tingkah laku homoseksual (homosexual behaviour) bukanlah satu perkara yang baru. Umpamanya Dr. Frank S. Caprio mengatakan,

'Sodomy (usually refers to anal intercourse between two males) originated from the town called Sodom where the inhabitants during the Biblical Times has been directed to god's anger. They expressed themselves sexually with the angels from heaven. As such the town was finally destroyed.'¹

Petikan mengenai Sodomy ini di percayai adalah satu penerangan yang paling awal mengenai aktiviti homoseksual dalam sejarah manusia. Kesah ini di percayai berlaku dalam zaman kehidupan Nabi Lot. Cerita ini menerangkan bahawa orang laki-laki yang terlibat itu telah dipikat oleh dua orang yang tidak di kenali. Mereka itu sebenarnya berlagak sebagai pengembara, tetapi mereka bukan pengembara. Mereka sebenarnya adalah dua orang bidadari, wakil Tuhan, yang menyamar memakai pakaian biasa. Orang laki-laki itu tadi telah membuat hubungan dengan bidadari-bidadari itu.

1. Frank S. Caprio, Variations in Sexual Behaviour, Grove Press Incorporated, New York. m.s 85.

Pada ketika itu, dengan tidak membuang masa lagi, wakil-wakil daripada Pasukan Penguatkuasa Maksiat Bible terus menghukum orang yang melakukan perbuatan itu sebagai bersalah. Mereka telah dijadikan buta. Bidadari itu kemudiannya telah memberi anaran kepada Nabi Lot bahawa Tuhan berniat untuk menusuahkan bandar Sodom yang jahat lagi maksiat itu. Mereka juga sempat memberi peluang kepada Nabi Lot supaya mlarikan diri bersama-sama dengan keluarganya. Tuhan kemudian menurunkan hujan ke atas penduduk Sodom itu. Mereka ditembak keluar oleh Tuan yang menjaga syurga, menjahanamkan seluruh bandar, semua lembah dan semua penduduk di bandar itu dan apa ju yang tumbuh di atas bumi.²

Jadi konsep Sodomy mempunyai hubungan yang begitu erat dengan homoseks. Di zaman moden ini beberapa istilah lain digunakan untuk menerangkan fenomena ini. Di antaranya ialah Jenayah terhadap alam semula jadi (crime against nature), hubungan jenis luar biasa (unnatural intercourse)³ dan beberapa istilah lain. Konsep umum homoseks ini boleh dikategorikan kepada tiga bahagian kecil berdasarkan ragan, variasi dan tingkah laku perbuatan itu.

2. Charles H. Mc Caghy, Deviant Behaviour, Crime, Conflict and Interest Group, Mac Millan Publishing Co. Inc.
New York, 1976 m.s. 364-365.

3. John J. Burt, Education for Sexuality ., W.B. Saunders Company,
Philadelphia, 1975, Bab II.

Ragaman-ragaman kecil ini termasuklah:-

(i) Saling merancap (masturbasi) di antara dua individu laki-laki.

(ii) Sodomy merujuk kepada perlakuan seks yang tidak sah. Perlakuan ini lebih kerap untuk menerangkan hubungan seks melalui dubur di antara dua orang laki-laki.

(iii) Menggunakan mulut untuk menghisap alat jantina laki-laki oleh seorang laki-laki yang lain.

Penyelidikan pengkaji Jenayah masyarakat ada menunjukkan bahawa perbuatan homoseks ada diamalkan di berbagai masyarakat di dunia. Di setengah-setengah masyarakat perlakuanya adalah lebih nyata daripada masyarakat yang lain. Impamanya dalam masyarakat Siwanis di Afrika Utara, masyarakat Arunta dan Arunda di Australia dan masyarakat Keraki di New Guinea, terdapat golongan laki-laki yang terlibat dengan homoseks dengan kanak-kanak lain.⁴ Dalam setengah masyarakat pula, mereka bermingat memakai pakaian kaum wanita. Mereka-mereka ini bertindak sebagai teman melakukan seks dan mereka terima perhubungan kehidupan mereka itu sebagai 'dunia perkahwinan'.⁵

4. Encyclopedia Britannica, Volume II, m.s. 648-650

5. Ibid

Selain daripada masyarakat-masyarakat tertentu yang mengamalkan homoseks, perlakuan seperti ini dapat juga dikesan di kalangan banduan-banduan di penjara terutama di penjara-penjara yang besar-besar.⁶ Dari pengkajian yang dijalankan oleh beberapa orang pengkaji masyarakat, adalah didapati bahawa aktiviti homoseks terutama di kalangan laki-laki biasanya terdapat di mana-mana tempat tahanan atau penjara. Di dalam tahanan, mereka ditempatkan sesama mereka sesama jenis. Dorongan seks mereka dilepaskan kepada orang-orang tertentu yang biasanya paling rapat dari segi perasaan dengan mereka. Satu pihak akan bertindak sebagai orang laki, aktif dan 'memberi' manakala satu pihak lagi sebagai 'pasif' dan 'menerima'.

Di kalangan banduan-banduan penjara ini, tidak kira laki-laki atau wanita mereka lebih ter dorong kepada homoseks kerana mereka telah tersekat daripada melakukan seks secara normal. Sekatan ini dikenakan oleh pihak yang berkuasa. Pihak wanita tidak mendapat pasangan laki-laki dan begitu juga di sebaliknya. Jadi sekatan seperti ini mendorong kepada homoseks. Mereka bersikap berpada dengan apa yang ada. Keadaan seperti ini membawa gambaran bahawa hubungan ini dilakukan untuk mengganti daripada mendapat benda yang lebih baik. 'Benda' yang dinaksudkan disini ialah pasangan laki-laki bagi wanita dan pasangan wanita bagi laki-laki. Tambahan pula dalam masa peperangan pihak-pihak tertentu terpaksa mengubah selera kepada teman sejenis yang sama-sama hadir berperang. Mereka melepaskan nafsu syahwat mereka pada teman-

6. Encyclopedia Britannica, Volume II, n.s. 648-650.

teman mereka yang rapat. Hubungan seperti ini di kenali sebagai homoseks 'facultative'.

Pada dasarnya homoseks di kalangan laki-laki boleh dikelaskan kepada dua kumpulan yang masing-masing mempunyai dua peranan yang berasingan dan berbeza iaitu sebagai:-

(i) Pihak aktif dan pihak pasif

atau

(ii) Insertor (yang memasukkan) dan insertee
(yang dimasuki)

atau

(iii) Masculine (yang gagah serta memberi) dan effiminate (yang lemah serta menerima)

atau

(iv) Obligatory (yang menerima kepentingan) dan facultative (yang memberi kepentingan)

Pihak yang memainkan peranan sebagai pihak 'aktif', 'insertor', 'masculine' dan 'obligatory' dalam homoseks memainkan peranan sebagai pihak yang kuat dan bertindak sebagai laki-laki. Manakala yang disifatkan sebagai 'pasif', 'insertee', 'effiminate' dan 'facultative' dalam homoseks sebagai yang lemah dan bertindak sebagai perempuan. Pada dasarnya ditinjau dari segi kelamin, mereka sebenarnya adalah laki-laki.⁷ Jadi di sini nempaklah dua pihak yang benar-benar nyata berbeza dari segi fizikal dan peranan.

7. Mengikut kajian dan penelitian yang dibuat oleh pengkaji terhadap 18 orang responden.

Golongan yang mahu dikenali sebagai laki-laki, gagah dan kuat biasanya terdiri daripada laki-laki yang cukup sifat kelelakianya, bertindak dan berfikir sebagai laki-laki. Golongan ini seserti sepuhnya ingin melakukan homoseks tetapi ada kalanya /tidak boleh melakukan seks dengan wanita juga. Golongan yang bertindak sebagai pihak yang lemah pasif dan selalu memberi kepentingan, biasanya mahu memperkenalkan diri mereka sebagai perempuan. Mereka di dapati lebih pendiam, lebih lembut, lebih lemah tingkah laku mereka dan lebih berminat untuk hidup dan bekerja sebagaimana yang dilakukan oleh seorang wanita. Dalam kegiatan mereka sehari-hari, geraklaku mereka lebih banyak membawa sifat-sifat kewani taan.

Dalam peranan seks, mereka mengambil peranan wanita sebagai pihak yang menerima. Binsan tubuh badan mereka lebih mirip tubuh badan wanita. Ada pula di antara mereka yang sangat-sangat menyerupai wanita. Mereka cuba sedapat mungkin untuk membentuk tingkah laku mereka sebagaimana tingkah laku wanita. Mereka meniru cara menghias muka, cara pakai, cara gerak geri, cara bercakap mengikut lenggang-lenggok wanita. Mereka juga suka supaya mereka diperlakukan sebagai perempuan dalam gara-gara bercinta, kasih sayang dan juga perlakuan seks. Mereka lebih suka dikuasai oleh pasangan mereka. Dalam perlakuan seks mereka lebih suka menerima alat jantina laki-laki samada melalui dubur, mulut atau tangan. Mereka lebih suka memilihkan peranan sebagai 'penerima' dan 'dimasuki' daripada memainkan peranan sebaliknya.

Secara lebih khusus dan mendalam, anggota-anggota homoseks berpakaian amat menyolok mata. Kadang-kadang mereka berpakaian wanita sepenuhnya. Mereka mendandan rambut, memakai bulu mata, menyolek mata, memakai subang dan rantai emas, memakai coli dan memilih pakaian wanita dari jenis yang halus-halus untuk dibuat baju dan pakaian mereka. Dengan hal yang demikian, pada ketika-ketika tertentu mereka sudah tidak segan silu lagi hadir dalam pesta jamuan dan tari menari dan mengambil bahagian dalam peraduan fesyen. Gambaran yang diberi mengenai pondan ini dapat di perhatikan sebagai ciri-ciri umum di seluruh dunia.

Pada umumnya apabila pengkaji menyentuh tentang homoseks, ia mengandungi dua pengertian. Pertama ialah homoseks di kalangan wanita yang lebih dikenali sebagai 'Lesbianism'. Kebiasaannya pengertian ini tidak membawa konsep langganan atau jual beli. Dengan demikian tidak ujud perniagaan atau perdagangan dalam kehidupan mereka.

Pengertian yang satu lagi membawa maksud homoseks di kalangan laki-laki. Di dalam perlakuan homoseks seperti ini terdapat dua kumpulan atau pihak yang mengambil bahagian. Yang nyatanya ialah terdapat pihak yang di anggap aktif dan pasif. Pihak yang aktif memainkan peranan sebagai lelaki yang dikira sebagai pelanggan. Pihak yang pasif di anggap oleh setengah pengkaji sebagai 'sex-queen', 'gay' atau meminjam istilah pondan itu sendiri sebagai 'adik-adik'. Kegiatan perhubungan yang dilakukan di antara dua kumpulan ini menimbulkan istilah langganan, jual beli dan perniagaan dalam erti

kata yang lebih khusus.

Pada himat pengkaji, mereka-mereka yang memainkan peranan seperti inilah yang pengkaji istilahkan sebagai pondan-lacur dalam kajian ini seterusnya. Mereka-mereka ini memberikan perkhidmatan untuk mendapatkan wang. Pada dasarnya perkhidmatan seks yang dibori oleh pondan-lacur ini melibatkan salah satu (samada melalui dubur, tangan atau mulut) daripada variasi atau ragam perlakuan mereka. Mungkin juga ia melibatkan ketiga-tiga variasi itu sekali gus.

1 - 2 PONDAN-LACUR DI MALAYSIA

Pondan atau 'adik-adik' samada yang melacur atau tidak boleh didapati di merata tempat di dunia. Keujudan mereka bukanlah satu hal yang boleh dihubungkan dengan satu-satu faktor atau sebab yang tertentu seperti ekonomi, politik atau pelajaran. Penelitian dan tinjauan yang mendalam boleh mendorong kita untuk mempercayai bahawa faktor saikologi dan pembetukan hormon di dalam tubuh badan manusia dapat memberi sedikit penjelasan mengenai hal ini.

Dengan hal yang demikian, mereka di percaya iujud di mana-mana sahaja dan tidak dapat di tentukan tempat. Namun demikian kehadiran mereka amat kecil bilangannya di dalam satu-satu masyarakat. Sungguhpun begitu, secara keseluruhan di dalam sesebuah negara seperti Amerika Syarikat dan Kanada, jumlah mereka boleh meningkat kepada puluhan ribu. Umpamanya Evelyn Hooker memotik bincian yang di buat oleh

Kingsey yang menganggar terdapat 26,631 anggota homoseksual di antara penduduk berumur 20 tahun ke atas di Los Angeles mengikut bancian tahun 1960.⁸

Di Malaysia juga terdapat kelompok-kelompok manusia yang dapat disifatkan kelompok-kelompok pondan. Di antara mereka pula terdapat sebilangan daripada mereka yang menjadi pondan-lacur. Dalam analisa ini pengkaji hanya menentingkan kegiatan pondan-pondan yang memperdagangkan diri untuk wang dan kepentingan ekonomi. Dalam aspek ini, boleh di katakan di kebanyakan bandar-bandar besar di Malaysia, khususnya di Semenanjung Malaysia terdapat kumpulan-kumpulan tertentu yang kehadiran mereka dalam masyarakat amat tersembunyi sekali. Beberapa Najalah hiburan tempatan seperti 'Selecta' pernah menonjolkan berita mengenai kegiatan pondan ini.

Beberapa buah bandar di Malaysia telah menjadi tempat pondan-pondan ini menginap. Di Singapura juga terdapat pondan-lacur dan mereka bermiaga secara meluas di Bugis Street. Di Pulau Pinang, mereka di dapati di Burnah Street, di lorong belakang Penang Road serta Jalan Mengkuang di Seberang Prai. Dewasa ini bandar-bandar Kuala Lumpur, Johor Bharu, Melaka, Kuantan dan Kota Bharu pula menjadi tempat tumpuan mereka bermiaga dan mengembangkan aktiviti mereka.⁹

-
8. Evelyn Hooker, *The Homosexual Community*, n.s.118 di dalam Jack D.Douglas, Observation of Deviance, Random House, New York-1970.
 9. Temubual pengkaji dengan beberapa orang rakan-rakan dari Singapura Kuala Lumpur, Johor Bharu, Melaka, Kota Bharu di samping pengkaji membuat kajian di Kuantan.

Pengkaji yakin manculnya golongan pondan-lacur dalam bilangan yang bertambah di bandar-bandar yang di sebutkan di atas ada hubungan yang erat dengan proses pembangunan, perkembangan ekonomi, modernisasi dan urbanisasi yang sedang berlaku di bandar-bandar berkonekan. Hal-hal seperti pembangunan dan modernisasi telah mendorong kepada perubahan norma-norma sosial dan sistem nilai dalam masyarakat tempatan. Berikutan dengan perubahan nilai sosial, pondan-pondan ini menjadi lebih berani untuk berniaga secara lebih terbuka dengan mendapat bilangan pelanggan yang bertambah. Di bandar-bandar Singapura, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bharu pondan-lacur ini berjalan seiringan dengan perniagaan pelacur wanita.

1 - 3 PENDAPAT UMUM TERHADAP PONDAN-LACUR

Dalam bidang penyelepasan seks, minat dalam bidang homoseksual telah lama terjelma. Di tahun-tahun kebelakangan negara Amerika Syarikat telah menunjukkan rasa kesedaran terhadap hal ini dengan lebih mendalam. Di Amerika Syarikat juga, kehidupan di sempadan di antara Utara dan Selatan telah memisahkan orang laki-laki daripada wanita untuk jangka waktu yang lama. Dalam keadaan yang demikian ramai orang laki-laki telah melepaskan dahaga seks mereka sesama rakan laki-laki mereka. Dengan itu homoseks menjadi satu perkara yang agak biasa di kalangan askar semasa Perang Saudara di Amerika. Dalam masa itu juga terdapat pelacur laki-laki yang mengikut bersama-sama

dengan askar-askar itu.¹⁰

Mengikut tradisi Judeo-Christian, tingkah laku homoseksual amat dikecam dan dikeji. Pada masa itu orang yang melakukan Sodomy yang dianggap kesalahan besar, akan dikenakan berbagai hukuman. Di antaranya ialah dipukul dengan tali besi, ditarik buah pelir, dilempar dengan batu atau pada poringkat yang paling makmum dibakar hidup-hidup.¹¹ Keadaan ini ujud dalam zaman pertengahan (Middle Ages). Selepas kurun kelapan belas, negara Eropah telah mengendurkan undang-undang ini yang kemudiannya berubah kepada sesuatu yang lebih liberal. Pada hari ini kebanyakan negara Eropah dan Amerika Syarikat menganggap perhubungan dewikian, kesalahannya tidaklah sebesar kesalahan pada zaman pertengahan. Di Amerika Syarikat beberapa buah negeri telah menansuhkan undang-undang Sodomy ini. Umpamanya Illinois telah melakukan dewikian pada tahun 1962 dan Connecticut dalam tahun 1971.¹² Hal ini telah diikuti oleh beberapa negeri lain kemudiannya.

10. Wain Wright Churchill, Homosexual Behaviour Among Males, New York, Hawthorn Books, n.s.57.

11. Charles H. Mc Caghy, Deviant Behaviour, Crime, Conflict and Interest Group, Mac Millan Publishing Co.Inc.New York 1976 n.s 365 - 366.

12. Ibid.

Di Malaysia, perbuatan yang dilakukan oleh pondan-lacur ini tidak ditafsirkan sebagai jenayah mengikut perlembagaan Malaysia. Malahan ia hanya dianggap sebagai satu 'public nuisance' kerana sering di tempat-tempat tertentu mereka dikatakan mengganggu ketenteraman awam bukan sebagai sesuatu yang amat berat tetapi sebagai 'nuisance' semata-mata. Untamanya sebagai contoh, mengikut perhatian pengkaji, bila pondan-lacur ini menaiki bas bersama-sama dengan penumpang-penumpang lain, mereka sering diganggu dan diusik bukan sahaja oleh orang-orang dewasa tetapi juga oleh kanak-kanak sekolah. Perlakuan demikian menimbulkan kesan buruk di mata umum terutama di kalangan tokoh-tokoh ugama tempatan.

Dari segi yang lain, dengan kehadiran mereka di mana ju dalam bentuk memberi khidmat seks, telah mendorong pihak laki-laki (pelanggan) ke lembah perzinaan. Kekerapan melakukan demikian boleh mendorong orang-orang tertentu mengambil atau mengamalkan tabiat yang salah ini sebagai satu kebiasaan. Kebiasaan yang salah ini lama kelamaan akan menjadi 'habit' yang sukar dipisahkan dari diri individu tertentu itu. Demikian akhirnya ia menjadi satu tingkah laku penyelewengan yang sukar untuk diubati.

Di Malaysia, pada dasarnya, pengetahuan umum terhadap pondan-

lacur adalah amat terhad. Masyarakat umum di Malaysia sebahagian besarnya tidak mengenali siapa dia pondan dan ada pula ahli masyarakat yang tidak pernah kenal dengan istilah pondan.¹³ Namun demikian beberapa pihak dalam masyarakat seperti ahli kaji masyarakat, pihak yang berkenaan dengan jenayah masyarakat, pihak polis dan penguatkuasa undang-undang, pihak penguasa bandar-bandar, pelanggan-pelanggan tetap dipercayai mengetahui aspek-aspek pondan ini secara lebih dekat.

Kehadiran kekurangan pengetahuan mengenai pondan-lacur ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah amat terhad huraian dan penerangan dalam buku-buku ilmiah yang boleh dibaca oleh sebahagian besar pembaca. Dari tinjauan dan penolitian pengkaji buku-buku yang dikeluarkan mengenai jenayah, hal-hal yang ditulis mengenai pondan-lacur bilangannya amat kecil. Kalaupun ada, tulisan-tulisan banyak membentangkan tentang kajian mengenai homoseks, samada homoseks di kalangan laki-laki atau pun wanita dari pada memperkatakan tentang pondan-lacur. Oleh hal yang demikianlah maka sebahagian besar daripada pembaca yang boleh menilai tulisan-tulisan dan rencana yang ilmiah sekali pun juga mempunyai pengetahuan yang cetepek mengenai hal ini. Kalau pun ada tulisan-tulisan mengenai kegiatan pondan ini, tulisan-tulisan itu hanyalah satu kupasan kecil yang tidak mendalam.¹⁴

13. Rumusan umum mengenai hal ini oleh pengkaji setelah beberapa temubual dibuktikan dengan orang-orang tertentu.

14. Salah satu tulisan mengenai pondan-lacur ini termuat di dalam majalah 'Selecta'. Majalah ini adalah satu majalah hiburan untuk muda-mudi.

Kadang-kadang penulis berkenaan hanya meninjau dari satu aspek tertentu sahaja.

Jumlah pondan-lacur yang ujud dalam satu-satu masyarakat adalah amat kecil sekali bilangan mereka. Kehadiran mereka tidak nyata dan tidak banyak diketahui umum. Keadaan ini ditambah pula oleh keadaan bahawa ada golongan yang mempercayai bahawa mereka itu kaum perempuan sebenarnya. Jadi berdasarkan kepada hal-hal yang amat eksklusif, terpencil dan terselindung ini, maka sifat-sifat pondan-lacur ini tidak sampai kepada pengetahuan umum. Pemikiran dalam masyarakat terutama pemikiran tokoh-tokoh ugama tempatan menganggap bahawa perkara yang dilakukan oleh pondan-lacur ini sebagai perbuatan yang haran, berdosa dan bertentangan dengan ugama mutan mereka. Pada mereka, finomina ini tidak harus ujud, dan kalau sekalipun ianya ujud, ia harus dianggap sepi.

Sebagai kesimpulan, di samping sifat eksklusif dan kurangnya bahan bacaan tadi, masyarakat menganggap memperkatakan hal-hal mengenai pondan-lacur ini adalah satu perkara yang amat jijik, kotor dan tidak harus diperbesarkan. Sikap seperti 'jangan hampiri mereka, jangan persoalkan hal mereka dan tinggalkan mereka dengan dunia mereka' adalah di antara sebab-sebab mengapa pengetahuan umum terhadap pondan-lacur ini amat terhad. Perkara ini amat bertentangan dengan hal-hal pelacuran wanita di mana hal-hal mengenai mereka amat luas diperkatakan terutama di kalangan wanita-wanita sendiri.

1 - 4 KEPENTINGAN KAJIAN

Telah diperkatakan lebih awal bahawa pondan-lacur adalah satu 'public nuisance'. Apa yang mereka lakukan dapat dianggap sebagai satu penyelewengan seks kerana mengikut Encyclopedia of Social Science definisi yang diberi ialah 'sexual deviations is any pattern of behaviour including a habitual, preferred, compelling needs for sexual gratification by any technique other than willing coitus between man and woman and involving actions that directly result in genital excitement'.

Bendar Kuantan sedang mengalami proses modernisasi dan urbanisasi. Dengan itu norma dan nilai masyarakat tempatan juga turut berubah. Analisa ini cuba menghubungkan semada perkembangan perlakuan penyelewengan jenayah (seks) ada kaitan dengan urbanisasi dan modernisasi tersebut. Juga ia cuba memaparkan pendangan masyarakat umum terutama masyarakat tempatan terhadap kegiatan penyelewengan ini. Dengan erti kata lain, adakah masyarakat tempatan memikirkan anasir itu merupakan satu gejala yang kurang sihat atau pun satu gejala yang harus diperkekalkan atau digalakkan. Apakah ianya harus mendapat kecaman atau galakan daripada masyarakat? Juga dengan kajian ini dapat ditentukan jumlah komposisi mereka dalam masyarakat tempatan.

Kajian ini juga dapat memberi beberapa gagasan tentang mengapa terdorongnya pondan-pondan ini menjadi pondan-lacur. Beberapa teori penyelewengan dapat dihubungkan dengan tindakan mereka ini. Selain daripada itu beberapa pandangan telah di-

kemukakan oleh pelanggan berhubung dengan mengapa mereka sering melawat pondan-lacur ini. Adakah tingkah laku pelanggan itu juga dapat dianggap satu penyelenggara?

1 - 5 SEKOP PENYELIDIKAN

Kajian ini membentangkan satu tinjauan mengenai gaya hidup pondan-lacur yang didapati di bandar Kuantan. Jumlah responden yang dapat ditemubual, diselidiki dan diperhatikan pada masa kajian dijalankan ialah lapan belas orang. Mengikut hisab pengkaji jumlah responden ini adalah jumlah semua pondan-lacur yang ujud ketika kajian ini dijalankan.

Sekop penyelidikan ini termasuklah mendapatkan maklumat mengenai latar belakang kehidupan masing-masing, keterangan mengenai tempat tinggal, tempat menjalankan aktiviti jual beli seks, kelakuan semasa melanggan, jenis dan bangsa pondan dan juga pelanggan, waktu berkhidmat dan bayaran yang diterima. Maklumat-maklumat ini akan dapat menjelaskan mengapa mereka terlibat secara langsung dengan aktiviti sedemikian rupa.

1 - 6 SUMBER-SUMBER DATA

Data-data kajian adalah perlu untuk neneruskan tinjauan ini. Data-data ini adalah didapati hasil daripada maklumat lisan dan sedikit pemerhatian. Dalam kajian ini boleh dikatakan sebahagian besar data-data dipungut daripada pondan-lacur yang dikaji itu sendiri. Sumber-sumber lain termasuklah laki-laki simpanan pondan itu (kendak mereka) dan juga pelanggan.

Badan-badan kerajaan seperti pihak Pencegah Jenayah Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat atau pihak Pencegah Maksiat tempatan tidak dapat memberi bantuan ke arah memberi maklumat berkaitan dengan perkara ini. Ini adalah disebabkan pihak berkaitan menganggap fenomena sosial ini sepi kerana hal ini tidak termasuk di dalam bidang kerja dan tanggungjawab mereka. Beberapa orang perseorangan yang berminat dan banyak mengetahui hal-hal pondan-lacur ini turut juga menjadi sumber-sumber data.

Adalah diajukan bahawa untuk mendapatkan maklumat yang sah dari pada responen menjadi satu perkara yang agak rumit. Pada peringkat awal temubual, mereka-mereka ini didepati tidak berminat untuk menjawab soalan-soalan yang menyentuh hal-hal peribadi mereka secara langsung. Mereka didepati lebih berminat memperkatakan hal-hal hiburan termasuklah kisah-kisah bintang filem dan penyanyi kesukaan mereka secara umum. Kegiatan-kegiatan hiburan tempatan semasa, adalah menjadi tumpuan perbualan yang lebih diberi koutaman. Persealan jual beli dan tawar menawar harga adalah lebih disukai. Dengan hal yang demikian untuk mencongicil kisah latar belakang dan hal-hal peribadi mereka, bukanlah satu perkara yang boleh diperolehi dengan mudah.

Namun demikian dalam jangka waktu yang lebih lama dan perkenalan pengkaji dengan responden semakin rapat, beberapa fakta dan data-data dapat diperolehi dengan membuat pendekatan-pendekatan yang menyenangkan mereka. Hal-hal mengenai kegiatan kerja mereka

banyak dibuat melalui pemerhatian yang rapi, tetapi fakta-fakta mengenai latar belakang mereka dapat dilumpuh melalui cara tembusan dan soalselidek. Tembusan tidak sahaja ditumpukan kepada pondan-lacur malahan juga daripada pelanggan-pelanggan mereka terutama pelanggan yang kerap. Adalah didapati bahawa pelanggan yang kerap membuat lumjungan ini menyimpan banyak maklumat tertentu berhubung dengan pondan-lacur.

Selain daripada itu, soalselidek juga diajukan kepada 'kendak-kendak' mereka. Mereka-mereka ini adalah di antara yang paling rapat dengan pondan-lacur. Kehidupan dan perhubungan mereka seolah-olah seperti satu perkongsian hidup dalam satu ikat 'perkahwinan' sebagaimana juga suami isteri lain. Maklumat-maklumat dan data-data ini dicerakini, dianalisa dan kemudiannya diinterpretasikan.

1 - 7 MASAALAH DALAM PENKAJIAN

Penyelidikan yang koci ini tidak terlepas sama sekali dari pada nonghadapi nasaalahnya yang tersendiri. Satu hal yang nyata ialah amat kurangnya bahan bacaan untuk dijadikan tanggapan asas, sedangkan beberapa tanggapan dan pemikiran awal amat diperlukan di dalam satu-satu penyelidikan. Hal ini diikuti pula oleh kurangnya kerjasama yang diberikan oleh pihak-pihak yang ditembusan dan soalselidek. Responden-responden yang terdiri daripada pondan-lacur, pelanggan mereka dan 'kendak-kendak' dan juga orang ramai yang diminta memberi maklumat, tidak dapat memberi bantuan yang sepenuhnya. Pihak awam tidak mahu memberi kerjasama kerana mereka menganggap

perkara ini kotor dan tidak seharusnya mendapat perhatian.

Tinjauan yang lebih lanjut telah memberi pengkaji beberapa kesimpulan kecil. Umpamanya pondan-pondan ini lebih suka mereka dianggap sehar-benar perempuan. Dengan itu pendekatan pengkaji hendaklah dengan cara yang lemah lembut seperti seseorang yang nahu mendekati seorang perempuan.

Pengkaji juga dihadapi oleh satu dilema iaitu kadangkala tinjul salah sangka orang ramai terhadap motif pengkaji. Pada pendapat mereka, pengkaji bukan sahaja menyelidek dan mencari data-data yang dikehendaki tetapi dianggap secara langsung mempunyai hubungan dengan pelacur-pelacur tertentu. Hal ini tidak dapat diatasi oleh pengkaji.

Bisamping tidak nahu berkerjasama, acap kali juga mereka-mereka ini di dapati memberi maklumat yang palsu terutama sekali tatkala mereka mengenalcan diri mereka. Pada dasarnya pondan-lacur ini adalah laki-laki dari segi kelamin, tetapi mereka tidak nahu memberi nama asal mereka mengikut pengenalan surat beranak atau kad pengenalan. Dokumen-dokumen diri seperti sijil beranak dan kad pengenalan solalu disorok dan pengkaji tidak dapat menaksira mereka supaya mereka mengeluarkan dokumen-dokumen ini. Jadi pengkaji harus berpada dengan data-data yang diberi. Yang lebih membebankan pengkaji ialah ada sesetengah pondan-lacur ini yang tidak suka mereka disoal dan diselidek hal-hal peribadi mereka. Mereka nampaknya lebih berminat dengan perbualan atau cakap-cakap yang ada hubungan dengan jual beli, tawar menawar harga dan jenis perkhidmatan yang mereka akan tawarkan.

PETA
BAB 2

2 - 0 KOMPOSISI SOSIAL DALAM MASYARAKAT PONDAN-LACUR


2 - 1 KESAN SAIKOLOGI DAN FAKTOR YANG MENDORONG
PONDAN MENJADI PELACUR

Berita mengenai kegiatan pondan-lacur di Kuantan adalah satu perkara yang amat baru. Kehadiran mereka dalam kumpulan yang lebih besar diketahui hanya semenjak dua tahun kebelakangan ini sahaja. Menurut tinjauan pengkaji, sebelum daripada itu, pernah ujud dua orang yang dikatakan pondan-lacur. Mereka bergerak bersama-sama di dalam kumpulan pelacur-pelacur wanita yang lain. Mereka menjalankan perkhidmatan jual beli seks di beberapa tempat tertentu. Di antaranya, ialah di 'Kawasan Pokok Buluh'.¹ Mereka berdua ini pernah juga menjalankan aktiviti ini di rumah tempat tinggal mereka di kawasan perumahan 'Setinggan' di Kampong Tanah Putih, Kuantan.²

Pada masa kajian ini dijalankan 'kawasan Pokok Buluh' yang dimaksudkan telah pun dibersihkan oleh pihak yang berkuasa bandar. Di situ telah pun didirikan rumah batu borderet untuk kegunaan perniagaan. Walaupun begitu masih terdapat, berhampiran

1. 'Kawasan Pokok Buluh' ialah kawasan yang pernah digunakan oleh pelacur-pelacur wanita kelas rendah sejak beberapa lama dahulu. Perkhidmatan seks diberi di dalam semak-semak dan juga di rumah kecil yang didiri khas untuk tujuan itu.
2. 'Rumah Setinggan' Kampong Tanah Putih Kuantan ialah satu kawasan yang terkenal di Kuantan di mana pelacur-pelacur kelas rendah tinggal. Di sini juga mereka menjalankan aktiviti mereka.

PETA I



PELAN KEDUDUKAN KAWASAN POKOK BULUH
DI MANA PONDAN-LACUR MENJALANKAN
KEGIATAN.

dengan blok bangunan baru ini satu kawasan tanah lapang seluas kira-kira tiga ekar. Kawasan ini ditumbuhi oleh rumput-rumput tebal dan belukar-belukar kecil. Tatkala ini, semua perkhidmatan sekis oleh pondan-lacur dijalankan dengan meluas di kawasan ini.

Tiap seorang responden yang ditembusul dan diperhatikan didapati mempunyai sejarah hidup yang tersendiri. Berbagai keadaan latar belakang dan kekompleksitian hidup telah noreka lalui. Dalam hal ini pengkaji mahu mencerakinkan latar ini kepada dua pembahagian isitu, pertama, sejarah awal dan faktor saikologi yang mendorong mereka menjadi homoseksual. Kedua ialah faktor yang menentukan mengapa mereka terdedah atau mahu menceburkan diri ke dalam bidang pondan-lacur pada peringkat umur yang lebih dewasa.

FAKTOR SAIKOLOGI YANG MENDORONG KEPADA HOMOSEKS

Untuk menentukan bagaimanakah sejarah awal dan kehidupan masa kecil yang dialami oleh mereka ini, pengkaji telah menggunakan beberapa soalan dasar yang boleh mendorongkan seseorang manusia itu terutama orang laki-laki menjadi seorang homoseks. Di antara soalan dasar yang dikemukakan ialah:

- (i) Adakah mereka terlalu rapat dengan ibu tatkala kecil?
- (ii) Adakah mereka terlalu rapat dengan bapa tatkala kecil?
- (iii) Adakah bersifat laki-laki tetapi mempunyai hormon wanita?

- (iv) Pernahkan diperkosai atau mengadakan hubungan jenis dengan laki-laki lain tatkala kecil?
- (v) Adakah kebanyakannya guru terdiri daripada wanita?
- (vi) Adakah mereka sukakan laki-laki semata-mata kerana bencikan wanita?
- (vii) Adakah apa-apa peristiwa tatkala kecil yang menghalang pertumbuhan saikologi?³

Adalah diakui oleh pengkaji bahawa untuk menentukan responden-responden yang ditembusual itu dapat dikelaskan di bawah sifat dan latar belakang tertentu, adalah merupakan satu perkara yang agak rumit.

3. John J. Burt, Education for Sexuality, W.B. Saunders Company - Philadelphia, 1975. Bab II.

Setelah tinjauan dilakukan dengan mengenakan soalan-soalan yang lebih mendalam, maka rumusan berikut diperolehi.

JADUAL I

FAKTOR YANG MENDORONG KEPADA HOMOSEKS

<u>Sebab tercebur kepada homoseks</u>	<u>Bilangan yang terlibat</u>	<u>Peratus</u>
1. Terlalu rapat dan terlalu sayangkan bapa hingga kurang menyukai ibu dan kaum perempuan.	6 orang	33.3
2. Pernah diperkosai dan membuat hubungan jenis dengan laki-laki tatkala kecil.	5 orang	27.8
3. Berlaku peristiwa yang berhubung dengan kekerasan wanita menyebabkan kebencian kepada mereka.	5 orang	27.8
4. Kebanyakan guru adalah laki-laki dan terlalu sayang dan sukakan mereka.	2 orang	11.1
JUMLAH	18 orang	100

Ciri-ciri di atas yang berlaku pada awal perkembangan hidup mereka telah mendorong pondan-pondan ini kepada menyukai laki-laki sehingga terbawa kepada perlakuan seks. Sifat yang lebih nyata ialah mereka telah bertukar kepada pihak yang negatif dalam adegan seks. Sifat-sifat ini juga menjadikan mereka bertambah tenat dan tenggelam terus di dalam satu kehidupan dan suasana yang sungguh berlainan daripada laki-laki lain.

Pada peringkat akhir perkembangan remaja, mereka sebenarnya merasakan mereka benar-benar lahir sebagai seorang perempuan dan perlukan hubungan kemesraan dengan teman laki-laki. Pada peringkat ini juga mereka merasakan sudah menjadi takdir daripada tuhan yang mereka tidak dapat mengawal dan tidak dapat memilih lagi. Peluang balik semula kepada kehidupan seorang laki-laki sudah menemui jalan buntu dan harapannya amat tipis.

Perasaan mereka tidak dapat diubah dan dirujukkan semula supaya terbit semula perasaan seorang laki-laki. Dengan hal yang demikian, mereka mempercayai bahawa mempunyai tarikan kepada teman sesama laki-laki telah menjadi satu perkara yang bukan luar biasa. Dengan hal yang demikian mereka telah sedikit demi sedikit tersisih dari masyarakat. Kadang-kadang mereka juga tersisih daripada keluarga sendiri kerana mereka rasai mereka sudah tidak dikehendaki lagi dalam masyarakat.

4. Pengaruh sosial psikologis (tingkah laku dan tanggap) mampu dikurangkan.

LATAR BELAKANG KEPADA TERDORONG MENJADI PONDAN-LACUR

Dalam keadaan tersisih ini, mereka telah mencari jalan keluar sendirian. Dalam memilih jalan sendiri ini, mereka samada terbuka secara langsung atau tidak kepada tingkah laku penyelewengan dan akhirnya mencoburkan diri dalam aktiviti pelacuran.

Beberapa kemungkinan telah difikirkan dan disediakan oleh pengkaji dalam menganalisa mengapa pada akhirnya mereka tercebur dalam aktiviti perdagangan seks ini. Kesimpulan daripada analisa ini didapati hampir semua yang dikaji memberi jawapan bahawa motif utama menjalankan kegiatan pelacuran ini ialah untuk kepentingan ekonomi sebagai mengatasi desakan asasi untuk melanjutkan hidup. Lima belas orang daripada lapan belas orang (83.3%) menerangkan di samping memenuhi tuntutan ekonomi, perbuatan demikian juga dapat melegakan tuntutan batin mereka. Nafsu syahwat mereka dilepaskan melalui bercumbu-cumbu dan bernesra-nesra dengan pelanggan. Hanya tiga orang (16.7%) yang menyatakan motif untuk mendapat teman baru dan motif untuk mendapatkan wang adalah sama berat.

Pondan-lacur yang menyatakan bahawa mereka melacur untuk mendapat wang dan teman baru selalunya memilih-milih pelanggan. Mereka lebih berminat kepada laki-leki yang segak dan tampan. Dalam keadaan tertentu, mereka sering memberi perkhidmatan percuma jika pelanggan yang dilayan itu dapat sebenarnya memenuhi selera dan kehendak mereka.⁴

4. Pengakuan seorang pelanggan (yang kacak dan tampan) semasa ditembusual.

Analisa ini memberi gambaran bahawa motif pondan-lacur ini mencebur diri ke dalam kegiatan ini adalah sintesis daripada faktor ekonomi dan juga untuk memenuhi tuntutan rohani. Tetapi apa yang lebih nyata ialah motif ekonomi atau desakan untuk menampung hidup mengatasi motif tuntutan batin. Tidak ada responden yang menyatakan bahawa mereka melakukan demikian atas tuntutan perasaan batin mereka semata-mata. Pada himat pengkaji, tidak ujud satu nikmat seks yang sepenuhnya dalam perlakuan ini, seperti yang dialami oleh laki-laki lain pada masa "orgasm". Mereka hanya menikmati dan mengalami sedikit sahaja daripada rasa sepenuhnya. Mereka akui mereka mempunyai perasaan tetapi tuntutan "nafsu" itu tidak dapat sampai kepuncak. Namun demikian mereka rasa puas dengan perasaan dan nikmat "kecil" yang dikehendaki sedemikian rupa.

Kajian yang dijalankan mengenai mengapa mereka ter dorong ke arah pelacuran ini tidak memberi banyak sebab. Mereka menceburkan diri ke dalam lapangan ini adalah semata-mata atas kerelaan mereka sendiri. Semua responden menerangkan tidak ujud paksaan yang membawa mereka ke dalam lapangan ini. Begitu juga tidak ada sindikit yang menjalankan kegiatan untuk mencari ahli-ahli baru. Oleh kerana mereka bergerak dalam kumpulan yang kecil, mereka hanya terdedah kepada pengaruh rakan-rakan mereka yang rapat sahaja.

2 - 2 UMUR

Sebagaimana yang telah disebutkan di dalam bahagian pengenalan bahawa tidak ada seorang pondan-lacur yang dikaji ini mahu

menperkenalkan diri mereka sebenarnya. Walau bagaimana baik layanan yang diberi dan desakan yang dibuat, namun pengenalan yang sebenar samada melalui kad pengenalan atau surat beransur tidak dapat diperolehi oleh pengkaji. Pengkaji yakin hal ini disebabkan mereka mahu benar-benar dikenali sebagai wanita dan tidak sebagai laki-laki di kalangan pelanggan mereka. Mereka merahsiakan sepenuhnya nama dan tarikh lahir mereka. Namun demikian mereka tidak keberatan memperkenalkan nama mereka yang digunakan di kalangan teman-teman dan pelanggan-pelanggan mereka. Mengikut catatan pengkaji nama-nama yang mereka beri ialah Minah, Roheni Majid, Sally, Nek Jah, Stewung, Nek Yah, Zainun, Nunny, Sakura, Azian, Nek Som, Tina, Zaitun, Miss Suzy (Cina), Linda, Normah, Nik Umi dan Nora.⁵

Walaupun tarikh lahir sebenar mereka tidak mereka beri, tetapi mereka tidak enggan memberi tahu umur mereka. Menentukan umur dengan cara membaca perawakan muka juga menimbulkan sedikit masalah kepada pengkaji. Pengkaji dibiarkan di dalam satu keadaan nonoka-neka samada maklumat umur itu benar-benar merujuk kepada umur yang sah. Setelah analisa kecil dibuat, mereka-mereka ini dapat dikelaskan kepada kelompok-kelompok umur seperti berikut, berdasarkan jarak umur empat tahun.

-
5. Nama pengenalan mereka sehari-hari di kalangan teman-teman dan pelanggan.

7. Pengkaji ini Nek Majid termasuk dalam jenjang pelanggan yang ia terdiri dibandingkan dengan kawan-kawannya yang lain.

JADUAL 2

JUMLAH PONDAN-LACUR MENGIKUT KELOLPOK UMUR

<u>Kelolpopk Umur</u>	<u>Pilangan</u>	<u>Peratus</u>
Antara 15 - 19 tahun	3 orang	16.7
" 20 - 24 "	10 "	55.6
" 25 - 29 "	4 "	22.2
Lebih drp. 29 "	1 "	5.5
JUMLAH	18	100

Komuniti kecil pondan-lacur seramai lapan belas orang ini amat bekerjasama di antara satu dengan yang lain. Di antara mereka terdapat seorang pondan-lacur 'veteran'. Beliau ialah 'Ani Mak Engku (Rohani Majid). Umur beliau ialah 32 tahun dan beliau telah pun menceburkan diri dalam lapangan ini hampir lima belas tahun. Mengikut beliau semakin veteran seseorang pondan itu, semakin banyak daripada mereka diminta nasihat, bush fikiran, tunjuk ajar serta pandangan selok-belok berniaga. ⁶ Namun demikian veterannya seseorang itu dalam bidang pelacuran ini tidak dapat menentukan bahawa mereka boleh mendapat pelanggan yang paling ramai. ⁷

-
6. Pengakuan yang dibuat oleh Ani Mak Engku semasa ditemubual dirumahnya.
7. Pengakuan Ani Mak Engku tatkala menerangkan jumlah pelanggan yang ia terima dibandingkan dengan teman-temannya yang lain.

2 - 3 BANGSA PONDAN-LACUR

Adalah sukar untuk menentukan bangsa pondan-lacur ini jika pengkaji menumpukan semata-mata kepada rupa zahir, kulit muka, cara berhias dan berdandan. Hal ini berlaku kerana terdapat iras yang banyak di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Tegasnya beberapa orang yang diagalkan berbangsa Cina, tetapi mereka didapati terdiri daripada bangsa Melayu. Pada keseluruhannya majoriti daripada responden adalah terdiri daripada bangsa Melayu dan hanya seorang sahaja daripada bangsa Cina.

Sebenarnya dari senarai nama pengenalan mereka yang dikutip, nama tidak dapat melambangkan pengenalan bangsa. Misalnya beberapa orang daripada mereka adalah daripada keturunan Melayu mengambil nama Kristian seperti 'Sally', 'Linda', dan ada pula yang meminati nama Jepun seperti 'Sakura'. Nama pondan-lacur Cina yang tunggal ialah 'Miss Suzy'. Dari aspek lain, pengkaji tidak nampak ada signifikannya untuk mengaitkan angkubah bangsa dengan angkuba-angkubah lain dalam kajian ini.

Semua pondan-lacur Melayu seramai tujuh belas orang yang di kaji ini berasal daripada beberapa tempat yang berlainan di negeri Kelantan. Mengikut bancian, tujuh orang daripada Pasir Mas, satu daripada Bachok, dua daripada Pasir Putih, lima daripada Kota Bharu, satu daripada Tanah Merah dan satu daripada Tumpat. Pondan-lacur Cina yang tunggal itu berasal daripada Johor Bharu.

2 - 4 LATAR BELAKANG KELUARGA

Dalam perkembangan hidup seseorang manusia terutama pada peringkat kanak-kanak dan remaja, proses pendidikan, socialisasi dan suasana di mana individu itu dibesarkan adalah menjadi faktor yang penting. Suasana ini termasuklah keadaan tempat tinggal, suasana rumah tangga dan taraf hidup keluarga. Ciri-ciri ini nanti akan amat mempengaruhi cara hidup, cara pemikiran, tingkah laku dan juga bentuk tindakan yang akan diambil oleh individu itu.

Semasa kajian tentang latar belakang tiap-tiap responden ini, beberapa ciri latar belakang dititikberatkan. Ini termasuklah menganalisa samada keluarga itu tinggal di kampung atau di bandar, pekerjaan dan pendapatan keluarga, samada mereka mempunyai ibu bapa atau anak yatim dan bilangan dalam satu-satu keluarga. Tinjauan akan juga dibuat mengenai sikap ahli keluarga dan jiran-jiran termasuklah teman-teman terhadap responden ini.

TEMPAT TINGGAL ASAL PONDAN-LACUR

Seperti yang telah dibincangkan dalam 2 - 3, semua pondan-lacur yang ditemui berasal daripada Kelantan kecuali seorang sahaja daripada Johor Bharu. Di tinjau dari segi tempat tinggal asal, dengan erti kata lain tempat lahir mereka, data-data berikut adalah didapati.

Dalam sojuk itu, "pondan" merujuk kepada siapa yang mengajar dan menjaga orangtuanya sebelum responden belum menjadi pondan-lacur. Ini berουahlah ibu, bapa dan seorang adik-beradik yang mengajar

JADUAL 3

TEMPAT TINGGAL ASAL DALAM BANDAR ATAU LUAR BANDAR

Tempat Tinggal Asal	Bilangan	Peratus
Dari kawasan dalam bandar	2 orang	11.1
Dari kawasan di antara 5-10 batu daripada bandar terdekat	14 orang	77.8
Dari kawasan lebih daripada 30 batu daripada bandar terdekat.	2 orang	11.1
JUMLAH	18 orang	100

Dari analisa ini, didapati sebahagian besar daripada mereka semasa kecilnya berasal daripada samada bandar atau berhampiran dengan bandar. Kebanyakan dari mereka mengakui pengaruh bandar telah membuka pandangan mereka. Mereka mempercayai pekerjaan senang didapati di bandar dan dengan itu dapat memberi jaminan hidup yang lebih terjamin. Kebanyakan daripada mereka pada mulanya terlibat dengan membuat kerja ringan seperti melayan di kedai-kedai kopi, dan mengasuh rumah di bandar.

PEKERJAAN DAN PENDAPATAN PENJAGA

Dalam tajuk ini, 'penjaga' merujuk kepada siapa yang menyara dan menjaga responden semasa responden belum menjadi pondan-lacur. Ini termasuklah ibu, bapa dan siapa sahaja yang menyarai

hidup mereka ini. Dari segi pelajaran, sebahagian besar daripada penjaga adalah bekerja sendiri dan pendapatan yang dikonukakan ini adalah pendapatan seorang penjaga. Dua orang daripada responden mengakui bahawa penjaga mereka borgaji tetap dan tinggal di kawasan bandar. Dari segi pendapatan penjaga, ia boleh dikategorikan sebagai berikut:

JADUAL 4

BILANGAN PENJAGA MENGIKUT PENDAPATAN MEREKA

<u>Jumlah Pendapatan sebulan</u>	<u>Bilangan Penjaga</u>	<u>Peratus</u>
Kurang daripada \$150	4 orang	22.2
Di antara \$150 - \$300	9 orang	50
Di antara \$301 - \$450	3 orang	16.7
Lebih daripada \$450	2 orang	11.1
JUMLAH	18 orang	100

Dari pada perangkaan di atas, kita dapat, walaupun sebahagian besar daripada penjaga responden ini beroleh pendapatan di antara \$150 - \$450 sebulan, namun mereka boleh dianggap sebagai golongan yang tidak berada kerana kebanyakannya daripada penjaga-penjaga ini mempunyai tanggungan yang besar. Tidak ada seorang pun daripada penjaga ini yang mempunyai tanggungan kurang daripada lima orang. Dengan hal yang demikian sebahagian besar daripada keluarga pondan

ini adalah keluarga yang miskin.

Pada masa sebelum pondan-lacur ini berhijrah ke bandar dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan sekarang, kita dapatti mereka tinggal dengan penjaga-penjaga mereka di kampung. Pengkaji mendapati tidak semua penjaga ini terdiri daripada ibu dan bapa. Jadual di bawah menunjukkan jumlah mereka yang mempunyai ibu bapa dan yang tidak mempunyai ibu-bapa sebagai penjaga.

JADUAL 5

BILANGAN YANG MEMPUNYAI DAN
TIDAK MEMPUNYAI IBU BAPA

Sifat Penjaga	Bilangan	Peratus
Yang mempunyai kedua-dua ibu dan bapa	4 orang	22.2
Yang mempunyai bapa sahaja	6 orang	33.3
Yang mempunyai ibu sahaja	6 orang	33.3
Tiada ibu dan bapa	2 orang	11.2
Jumlah	18 orang	100

SIKAP KELUARGA TERHADAP PONDAN-LACUR

Sebagaimana yang diperkatakan lebih awal, ibu bapa atau keluarga terdekat adalah merupakan ajen sosialisasi yang utama dan berkesan untuk menentukan corak hidup dan masa depan individu.

Dalam hal ini, sikap keluarga atau orang yang membesarakan pondan ini perlu diketahui. Walaupun maklumat yang didapati adalah hasil temubual pengkaji dengan pondan itu dan bukan dengan ibu bapa yang berkenaan, adalah di yakini bahawa sebahagian besar daripada maklumat-maklumat itu dapat di terima. Hanya tiga orang daripada jumlah responden yang mengatakan ujud hubungan keserasaan dan suasana kekeluargaan yang harmonis di antara mereka dengan ibu bapa atau penjaga. Baliknya mengakui ujud satu sikap yang kurang menyenangkan dari pihak ibu bapa atau ahli dalam keluarga.

Di antara sikap yang dinaksudkan ialah kurang mendapat layanan dalam hal makan dan pakai. Layanan yang lebih istimewa diberi kepada adik beradik yang lain. Oleh kerana mereka daripada kecil lagi sudah membawa perawakan seorang wanita, maka perhatian ibu bapa adalah tertumpu lebih kepada anak-anak laki-laki yang lain. Begitu juga kalau di bandingkan dengan layanan yang diberi kepada anak-anak perempuan yang lain. Dalam kebanyakan hal anak perempuan juga diberi layanan yang lebih.

Kecacatan peribadi yang menjadi sifat pondan ini telah mendorong ibu bapa dan keluarga tidak menumpukan perhatian yang sewajarnya kepada mereka dalam hal pendidikan, layanan dan kasih sayang seperti yang diberi kepada anak-anak lain. Oleh kerana perangai yang negatif ini, pondan ini tidak digalak dan melanjut pelajaran dan mereka lebih digalakkan menolong ibu atau keluarga perempuan dalam urusan rumah tangga seperti memasak dan mencuci

pakaian. Beberapa orang menyatakan mereka diajar hal-hal yang berkaitan dengan jahit menjahit dan sulam menyulam untuk menghabiskan masa lapang mereka.

2 - 5 TINGKAT PENCAPAIAN PELAJARAN

Adalah amat disedari bahawa salah satu syarat untuk mencapai satu kehidupan yang baik, jawatan yang tinggi dengan pendapatan yang lumayan ialah melalui pencapaian pendidikan yang tinggi. Kalau pendidikan yang dicapai rendah, maka selalunya peluang untuk mendapat ganjaren yang tinggi dari satu-satu jawatan yang dipegang itu adalah tipis. Pengkaji mengandaikan, mengikut Sistem Pendidikan di Malaysia dewasa ini tingkat pencapaian pelajaran adalah seperti berikut:-

- (i) Enam tahun di Sekolah Rendah
- (ii) Tiga tahun di Sekolah Menengah Rendah
- (iii) Dua tahun di Sekolah Menengah (Tingkatan IV & V)
- (iv) Dua tahun di Tingkatan Enam
- (v) Dua hingga lima tahun di peringkat Kolej atau tiga hingga enam tahun di peringkat Universiti.

Dari analisa mengenai tingkat pencapaian pendidikan pondan-lacur ini, tidak ada seorang pun yang sempat nemjak kaki ke sekolah Menengah Atas. Catatan mengenai pencapaian pendidik adalah seperti,

JAHUAL 6

TINGKAT PENCAPAIAN PENDIDIKAN PONDAN-LAGUR

<u>Tingkat Pencapaian</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Peratus</u>
Darjah 1 - Darjah 3	4 orang	22.2
Darjah 4 - Darjah 6	8 orang	44.4
Tingkat I	3 orang	16.7
Tingkat II	2 orang	11.1
Tingkat III	1 orang	5.6
JUMLAH	18 orang	100

Pada asasnya sejumlah besar di kalangan mereka hanya mendapat pendidikan asas membaca, menulis dan mengira. Namun demikian sejumlah enam orang pernah meniti jarak kaki ke sekolah Menengah. Pada akhirnya mereka tidak mahu melanjutkan pelajaran kerana sebab-sebab tertentu yang berbelah bagi. Kebanyakan mereka yang terus berhenti pada peringkat sekolah rendah memberi alasan tidak mendapat galakan daripada ibu bapa dan penjaga. Manakala yang pernah sampai ke Tingkatan Menengah Rendah juga akhirnya turut berhenti kerana malu dan enggan bergaul sama-sama laki-laki. Ini disebabkan emosi telah didorong oleh tinjulnya beberapa sifat kewanitaan di dalam diri mereka.

2 - 6 PERKENBANGAN BANDAR DAN PONDAN-LACUR

Sejak akhir-akhir ini, ramai kalangan yang beranggapan bahawa bandar Kuantan adalah merupakan bandar yang paling pesat membangun dan berkembang di antara bandar-bandar yang didapati di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjong Malaysia. Perkembangan bandar ini amat pesat terutama dalam bidang perumahan semada rumah-rumah Perniagaan maupun rumah kediaman. Projek pembinaan pelabuhan Kuantan turut mendorong kepada pembesaran bandar ini. Dengan demikian akan bertambah kompleks dan rencanalah kehidupan bandar ini.

Dalam keadaan demikian, sebagai ibu negeri Pahang, bandar ini banyak mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran. Boleh dikatakan semua ibu pejabat Jabatan-Jabatan tertentu terletak di bandar ini. Dalam menujuk tahap perkembangan yang lebih lanjut dan dalam hasrat untuk memenuhi 'expectation' ini, sifat urbanisnya semakin bertambah ketara. Keadaan ini melibatkan norma-norma dan nilai hidup dalam masyarakat turut juga berubah, tidak kira dari kumpulan kaum mana individu itu terkelompok. Peluang-peluang pekerjaan di bandar telah menarik lebih ramai rakyat terutama belia dan beliawanis berhijrah ke Kuantan. Keadaan ini menambahkan lagi bukan sejaja bilangan penduduk tetapi sifat kurang kenal mengenal (anonymity) di antara satu dengan yang lain.

Dalam keadaan dan suasana tidak kenal mengenal ini, masing-masing dengan hal masing-masing, tingkah laku penyelewengan seperti yang dilakukan oleh pondan-lacur ini tidak mendapat perhatian

dari pada masyarakat. Ada setengah golongan yang nongetahui fenomena ini ujud, tetapi mereka tidak mempedulikannya. Perkembangan bandar Kuantan yang turut membawa perubahan norma dan nilai serta sifat 'anonymity' masyarakat bandar ini, telah memboleh dan menggalakkan tumbuh dan bertambahnya bilangan pondan-lacur menjalankan aktiviti mereka. Mereka didapati lebih berani dan mereka menjalankan perdagangan dengan lebih terbuka.

Urbanisasi juga merupakan faktor tidak langsung kepada pertambahan pendapatan penduduk. Dengan pendapatan yang lebih, maka lebih ramai lagi lah penduduk yang telah melayakan diri sebagai pelanggan kepada pondan-lacur dan juga pelacur wanita. Bangunan perniagaan yang lebih besar mempunyai banyak bilik seva. Setengah dari pada rumah pangsa ini letaknya amat eksklusif dan tersorok. Sumbangan urbanisasi dan sifat 'urbanism' bandar itu merupakan angkubah yang amat erat dan mendorong kepada pasaran seks terbuka di Kuantan.

KESIMPULAN

Dari perangkaan dan fakta-fakta yang diutarakan , pengkaji berpendapat bahawa tiga faktor yang dominan sekali gus telah membuka langkah pondan-lacur ini tercebur di dalam bidang jual beli yang mereka praktiskan sekarang. Faktor-faktor ini saling kait mengait dan mempengaruhi di antara satu sama lain. Faktor seperti latar belakang keluarga yang kurang mampu, berpendapatan rendah dan berkeluarga besar telah mengakibatkan pondan-lacur ini mencari jalan keluar.

Alasan ini mungkin tidak menadai untuk mereka bertindak demikian kalau tidak ditambah oleh peranansikap acuh tidak acuh ibu bapa dan keluarga yang menjaga mereka. Alasan-alasan yang telah sedia ada ini telah dengan mudah bergabung dengan keadaan modenisasi dan urbanisasi di bandar, dan dengan itu telah membuka peluang yang begitu luas untuk mereka mempraktikkan kegiatan mereka. Dengan itu mereka telah mengamati satu norma hidup yang baru dan meninggalkan yang lama.

Individu sebaiknya mempunyai satu nilai yang tidak berubah-ubah yang tidak kepada hasilnya. Maka ia akan mendapat ciri pengaruh manajemen atau di antara pelajaran mereka pendidikan ini yang mengakui bahwa dalam merintis sebuah keluarga jenis dan penilaian ini adalah suatu rasa yang boleh diberikan kepada wanita yang berjaya dan dapat dibentuk oleh penilaian ini.

Menurut penulis penilaian di sepanjang pengalaman dijalanan, jadi seorang Melayu berada-hadir atau masuk dalam pelajaran bersama Sino. Jadi pelajaran dari bangsa India agak kurang jika dibandingkan dengan bangsa Melayu dan Sino.

Dari data-data yang diperolehi adalah tambah dengan maklumat manajemen dari negi pelajaran pelajaran, bilangan pelajaran yang pelajar masuk dan kerap membuat badungan iaitu dan gelangan tangan dia sugata pertahuan yang lemah. Ini didakti oleh haluan-haluan negri dari keluarga orang Melayu (berlandaskan Rouse).

BAB 3

3 - C CORAK PERNIAGAAN DAN BENTUK
PERKHIDMATAN PONDAN-LACUR

3 - 1 PUNCA-PUNCA PELANGGAN

Manusia selalunya tidak berasa puas dengan apa yang ada di sekeliling mereka. Mereka selalunya ingin kepada pengalaman-pengalaman baru terutama pengalaman yang menyeronokkan. Melakukan hubungan seks merupakan satu nikmat yang tidak ternilai tingginya anugerah tiba kepada hambanya. Maklumat yang diperolehi oleh pengkaji menunjukkan ada di antara pelanggan kepada pondan-lacur ini yang mengakui bahawa tujuan mereka melakukan hubungan jenis dengan pondan-lacur ini ialah untuk menikmati rasa yang berbeza daripada variasi yang berbeza pula yang dapat diberi oleh pondan-lacur ini.

Mengikut perhatian pengkaji di sepanjang pengkajian dijalankan, jumlah pelanggan Melayu hampir-hampir sama ramai dengan pelanggan berbangsa Cina. Jumlah pelanggan dari bangsa India agak kurang jika dibandingkan dengan bangsa Melayu dan Cina.

Dari data-data yang diperolehi melalui tembusan dengan mereka menunjukkan dari segi pekerjaan, pelanggan, bilangan pelanggan yang paling ramai dan korap membuat kunjungan ialah dari golongan tentera dan anggota pertahanan yang lain. Ini diikuti oleh kelasi-kelasi kapal dari kalangan orang Barat (berbagai bangsa Eropah).

Pelanggan tidak senestinya dari kalangan yang berpendapatan rendah sahaja bahkan yang berpangkat tinggi juga ada terlibat.¹ Mereka ini dari berbagai bangsa. Mereka juga sering menyimpan pelanggan tetap. Pelanggan-pelanggan ini lebih dikenali sebagai 'kendak'. Kendak-kendak ini bukan sahaja membayar bagi tiap-tiap perkhidmatan yang diberi bahkan ada kalanya mereka membayar harga sewa bilik dan membeli barang-barang makanan untuk pondan-lacur yang mereka minati.

Dari segi umur, hampir lima puluh peratus daripada pelanggan ini berumur di antara tiga puluh hingga empat puluh lima tahun dan lima puluh peratus lagi berumur di antara lima belas hingga tiga puluh tahun. Dengan kata lain mereka-mereka ini adalah dari golongan belia dan juga orang dewasa. Sembilan puluh lima peratus daripada pelanggan mengakui bahawa mereka boleh melakukan hubungan seks samada dengan wanita atau pun laki-laki. Hanya lima peratus sahaja yang mengakui bahawa mereka lebih berminat mengadakan hubungan homoseks. Kesimpulan daripada kenyataan ini bahawa sebahagian besar daripada pelanggan telah pun berkahwin dan telah pun mempunyai pengalaman mengadakan hubungan jenis dengan wanita.

Ada beberapa perkara yang mendorong kepada mengapa pelanggan-pelanggan ini merujuk kepada hubungan seks dengan pondan-lacur. Maklumat ini didapati daripada pelanggan-pelanggan itu sendiri dan juga daripada pondan-lacur. Mengikut pendapat mereka dorongan-

1. Ini termasuklah seorang peguam yang dikenali oleh pengkaji.

dorongan itu ialah,

- (i) Mereka suka bertukar-tukar rasa nikmat seks (kadangkala dengan wanita dan kadangkala dengan laki-laki)
- (ii) Bayaran untuk perkhidmatan seks yang dikenakan oleh pondan-lacur ini lebih murah daripada harga yang dikenakan oleh pelacur wanita.²
- (iii) Pondan-lacur ini dapat menyediakan beberapa variasi dan kaedah dalam adegan seks. Ini termasuklah merancap, menghisap dan membenarkan seks melalui dubur.
- (iv) Dalam beberapa keadaan, layanan yang diberi oleh pondan-lacur dapat mengatasi layanan yang diberi oleh wanita.

3 - 2 TEMPAT MEMBERI PERKHIDMATAN

Tempat tinggal pondan-lacur ini amat berhubung rapat dengan tempat mereka memberi perkhidmatan kerana boleh dikatakan pada waktu siang hari, perkhidmatan jual beli ini dijalankan di tempat tinggal mereka. Tempat mereka nenginap ini boleh dibahagi kepada dua kawasan yang berasingan iaitu:

- (a) Kawasan rumah setinggan Tenah Putih di mana empat orang pondan-lacur tinggal. Kawasan ini ialah satu kawasan kesesakian dan penduduk yang tinggal disitu kebanyakannya berasal daripada

Kelantan dan Trengganu. Mereka nondirikan rumah-rumah haram yang dibina secara kecil-kecil dan cepat. Kawasan ini merupakan salah satu sarang pelacur kelas rendah. Perkampungan ini terletak lebih kurang satu batu setengah daripada bandar Kuantan. Mereka pergi korja dengan beca atau bas. Tambang beca ialah se-ringgit manakala tambang bas ialah lima belas sen sahaja.

- (b) Empat belas orang lagi menginap di beberapa buah rumah pangsa di Jalan Bukit Ubi dan Jalan Tun Ismail. Ada di antara mereka yang berkongsi bilik untuk menjimatkan harta sewa.

Di dua kawasan penginapan ini, ada juga mereka menjalankan jual beli seks. Di tempat menginap ini, biasanya selain daripada berkongsi bilik sesama mereka, ada juga mereka yang tinggal bersama-sama dengan 'buah hati' atau kendak mereka yang menyimpan mereka. Mereka tinggal dengan kendak mereka ini seolah-olah mereka hidup dalam satu tali tan 'perkahwinan'.

Selain daripada itu, langgaran seks pada waktu malam di jalankan di beberapa tempat. Tempat yang paling utama ialah di 'kawasan Pokok Buluh'. Kawasan ini boleh dikatakan terletak di tengah-tengah bandar Kuantan di tepi Jalan Haji Abdul Aziz di belakang Pavagam Plaza. Kawasan ini dipenuhi oleh rumpun-rumpun semak.

Ada beberapa 'spot' di semak-semak ini yang dibersihkan untuk dijadikan tapak atau tempat di mana aktiviti seks ini dapat dijalankan. Pada waktu malam, kawasan ini memang terselindung oleh beberapa batang pokok dan semak-semak. Dengan hal yang demikian aktiviti ini terselindung daripada pandang umum.

Pada waktu malam, kegiatan ini tidak sahaja tertutup sepenuhnya di kawasan 'pokok Buluh' tetapi ada juga di antara pelanggan yang mempunyai kenderaan sendiri membawa pondan-lacur ini ke tempat-tempat pilihan mereka. Ada di antara mereka yang memberi perkhidmatan di dalam kereta pelanggan itu tadi. Mereka akan dihantar pulang ke kawasan 'Pokok Buluh' sebaik sahaja perkhidmatan selesai diberi. Tempat-tempat lain yang menjadi pilihan pelanggan untuk melakukan seks ialah di rumah-rumah Persinggahan dan rumah-rumah persendirian.

Sebagaimana yang diperkatakan lebih awal, pondan-lacur ini tidak dikawal oleh sindikit-sindikit tertentu. Mereka bergerak bebas dan tidak ditentukan oleh mana-mana pihak tentang di mana mereka mesti berada dan tinggal. Segala-galanya tercerah kepada individu itu untuk bertindak dan memilih tempat kecuali pondan-lacur yang mempunyai teman atau kekasih. Lima orang mengaku dipengaruhi oleh kendak mereka dalam memilih dan menentukan tempat tinggal. Kelima-kelima mereka ini tinggal di rumah pangsa pilihan teman mereka. Mereka berkongsi dengan kekasih mereka dalam mengongkosi perbelanjaan hidup.

Perlu ditekenken di sini bahawa tempat mereka menjalankan langgaran seks ini adalah merupakan tempat pertemuan bukan sahaja di antara pondan sesama pondan tetapi juga di antara pondan dengan pelanggan dan pelanggan dengan pelanggan. Di kalangan pondan-pondan itu pula, perhimpunan seperti ini boleh dikatakan satu perhimpunan sosial di mana mereka berhincang mengenai hal-hal rakan-rakan, pekerjaan dan amaran-amaran bahaya yang harus diketahui yang patut menjadi pengetahuan umum di kalangan mereka.

3 - 3 JUMLAH PELANGGAN SEMINGGU

Maklumat mengenai kekerapan dan jumlah pelanggan yang mengunjungi pondan-lacur ini dalam jangka waktu tertentu memang susah untuk diketahui. Data-data hanya boleh diperolehi daripada pondan-lacur itu sendiri. Tidak dapat difikirkan cara yang lebih mudah atau lebih sah selain daripada cara demikian.

Maklumat yang didapati menunjukkan kenyataan-kenyataan bahawa pulak rata tiap-tiap seorang akan mendapat pelanggan tidak kurang daripada tiga orang pada satu malam. Hal ini hanya benar jika cuaca pada malam hari baik dan tiada hujan. Dengan ertikata lain, hitung panjang jumlah pelanggan bagi seminggu ialah dua puluh orang. Kemudian terdapat pula perbezaan jumlah pelanggan yang mengunjungi pondan-lacur yang umurnya muda dengan yang berumur. Begitu juga terdapat perbezaan dalam jumlah pelanggan yang mengunjungi pondan-lacur yang centik, pandai bergaya dan pandai masyarakat beribual dengan mereka-mereka yang mempunyai sifat-sifat disebaliknya.

Kadang-kadang ponden-lacur yang pandai menikat dan pandai menaikkan senangat dan perasaan pelanggan boleh menerima jumlah pelanggan lima hingga tujuh orang semalam. Dengan itu jumlah pelanggan yang mereka dapat di dalam seminggu juga turut bertambah.

Hal ini bertentangan dengan sifat ponden-lacur yang pendiam, tidak petah, tidak pandai menikat pelanggan dengan kata-kata yang menarik, ada kalanya tidak dapat pelanggan langsung satu malam tertentu. Adalah diakui oleh mereka bahwa pakaian yang cantik, potongan baju yang terdedah dan longgang-lenggok yang menggiurkan serta bau-bauan wangi adalah nonjedi dorongan untuk mendapat pelanggan yang lebih. Di samping itu juga mereka mengakui bahwa tatkala awal bulan mereka mendapat jumlah pelanggan yang lebih. Jumlah pelanggan yang berkunjung menjadi semakin berkurangan tatkala diujung bulan. Jadi di sini jumlah pelanggan mempunyai hubungan yang rapat dengan hari gaji.

3 - 4 VAKTU BEKERJA

Kegiatan yang dijalankan oleh ponden-lacur ini dapat dianggap sebagai satu tingkah laku penyelewengan. Kebanyakan tingkah laku penyelewengan yang dapat kita anggap sebagai jenayah seperti rompak, seluk saku, rogol, mengedar dadah dan lain-lain biasanya dilakukan dalam suasana lengang, sunyi dan jauh dari perhatian ramai. Ini termasuklah juga kegiatan yang dijalankan oleh ponden-lacur ini. Mereka menjalani kan kegiatan secara menyorok-nyorok dan di tempat yang agak tersembunyi.

Dengan itu nyatalah kegiatan ini lebih ditumpukan pada waktu malam. Walaupun begitu ada juga kegiatan ini dilakukan di waktu siang hari, tetapi di tempat-tempat yang tersorok dan terse-lindung dari tontonan ramai. Pelanggan-pelanggan yang tetap sahaja yang mengetahui di mana mereka berada. Pondan-lacur ini mula bersiap-siap untuk pergi kerja mulai pukul lima setengah petang di tempat tinggal masing-masing. Biasanya di antara pukul enam hingga enam setengah petang mereka sudah mulai menuju ke kawasan 'Pokok Buluh'. Kebanyakan daripada mereka telah menempah beca roda tiga untuk membawa ke tempat kerja dengan bayaran seringgit.

Perkhidmatan dijalankan dari pukul enam setengah petang hingga selewat-lewatnya pukul sebelas setengah malam dan mengambil masa hampir lima jam. Biasanya semasa pergi kerja, mereka memakai pakaian yang beranika rupa dan fesyen yang amat menghairahkan. Mereka mencehut sebuah tas tangga. Kiranya dalam masa bekerja ini, kalau tiada pelanggan untuk dilayan, mereka akan berkumpul dalam beberapa kumpulan dan berbual-bual. Waktu pulang kerja, mereka biasanya berjalan beramai-ramai ke tempat menginap masing-masing. Ada juga di antara mereka yang menaiki beca.

KESIMPULAN

Dari segi perkhidmatan dan perniagaan yang dijalankan oleh pondan-lacur ini, daripadanya boleh ditarik beberapa kesimpulan. Perniagaan mereka tidak dirancang atau dikendalikan oleh mana-mana pihak. Mereka juga tidak dikawal oleh pihak tuan punya hotel dan

dan 'tiba ayam'. Setakat yang dapat dilihat dari pergerakan mereka, mereka tidak diguna dan dieksplorasi oleh mana-mana kumpulan jenayah.

Perniagaan mereka kebanyakannya dijalankan di sebelah malam. Semada mereka suka atau tidak datang bekerja tidak dipengarohi oleh mana-mana pihak atau golongan. Pelanggan berkunjung ke tempat ini kerana beberapa motif tertentu. Majoriti daripada pelanggan-pelanggan ini boleh membuat hubungan jenis dengan perempuan juga. Pelanggan terdiri daripada berbagai bangsa. Kebijaksanaan melayan pelanggan dan mereka yang muda dapat mempengaruhi jumlah pelanggan yang nongunjungi mereka. Senakin pandai seseorang itu melayan pelanggan, maka senakin ramai lah pelanggan yang akan didepati. Ini akan mempengaruhi pendapatan mereka, iaitu pendapatan mereka akan bertambah.

Dengan ketibaan mereka yang dominan untuk mengambil hidup masyarakat, mereka juga membawa virus bahaya sendiri. Jalan yang paling biasa mereka ambil untuk mencari makanan ini telah dengan selesa dihancurkan hasil kerja keras yang mereka gunakan untuk berbelanja. Mereka terpaksa melalui pelancong dengan mudah mendapat makan.

Ada beberapa perkara yang dapat menambah permasalahan dalam peloporan gender-inne' ini. Hal-hal yang tertentu yang dipercaya oleh manusia masih dapat memberikan jauh peloporan dari pada

BAB 4

4 - 0 KEHIDUPAN SEBAGAI PONDAN-LACUR

4 - 1 PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Dalam Bab 3, telah disebutkan bahawa pondan-lacur ini telah tersisih dan terpisah dari saudara nara di kampung. Mereka hidup dalam keadaan lepas bebas tanpa dikawal oleh tatasusila keluarga lagi. Oleh kerana mereka ini tinggal berjauhan daripada kampung halaman dan keluarga, segala perbuatan dan tingkah laku mereka dapat diberi perhatian oleh keluarga mereka. Kalau dahulunya semasa bersama keluarga, sebahagian daripada perbelanjaan hidup mereka ditampung oleh keluarga, tetapi sekarang mereka terpaksa benar-benar perlu mengongkosi sendiri. Malah mengikut setengah daripada mereka, mereka pula membantu keluarga di kampung dari hasil pendapatan mereka.

Dengan latar belakang yang demikian untuk menyara hidup seharian, mereka terpaksa mencari wang belanja sendiri. Jalan yang paling biasa mereka pilih untuk mencapai matlamat ini ialah dengan melacur diri. Pendapatan hasil lacur inilah yang mereka gunakan untuk berbelanja. Mereka terpaksa melayan pelanggan dengan memberi khidmat seks.

Ada beberapa perkara yang dapat menentukan perbezaan dalam pendapatan pondan-lacur ini. Sifat-sifat tertentu yang diperolehi oleh sesetengah pihak dapat membezakan jumlah pendapatan daripada

seorang dengan seorang yang lain. Di antara sifat-sifat itu ialah:

- (a) Pandai melayan berbual dan bermain dengan kata-kata hingga akhirnya terdorong kepada kemahanuan melakukan seks.
- (b) Pandai memikat dengan cara bertepok-tampar, gesel-menggesel, ulit mengulit dan raba hingga terdorong kepada konahuan melakukan seks.
- (c) Bersetuju dengan pelawaan dan nahu ikut keluar dengan kenderaan yang pelanggan telah sediakan. Mereka pergi ke tempat-tempat tertentu yang telah dipilih oleh pelanggan. Kalau diikut cara ini, pondan-lacur ini terpaksa menanggung risiko yang lebih, kerana kerap kali mereka ditipu dan sering ditinggalkan di tempat-tempat tertentu setelah khidmat seks diberi, tanpa membayar apa-apa kepada pondan-lacur ini.

Bayaran yang dikenakan bagi tiap-tiap perkhidmatan yang diberi adalah berbeza mengikut kaedah dan cara perkhidmatan itu diberi. Matlamat mutlak pelanggan ialah untuk mendapat kepuasan seks. Kaedah yang digunakan dalam mencapai kepuasan ini adalah bergantung kepada pilihan pelanggan. Pondan-lacur akan mengikut sahaja melakukan kaedah mana yang dipilih oleh pelanggan. Bayaran yang dikenakan biasanya adalah seperti berikut:

- (a) Kepuasan yang didapati melalui kaedah merancap

bayarannya ialah di antara \$2 - \$3 bagi sekali pelacur kelas khidmat.

dari segi : (b) Kepuasan yang didapati melalui kaedah hisap, bayarannya ialah di antara \$3 - \$5 bagi sekali ini adalah purata khidmat.

(c) Kepuasan yang didapati melalui kaedah hubungan jenis melalui dubur, bayarannya ialah \$5 - \$8 bagi sekali khidmat.

(d) Jikalau khidmat itu dijalankan di tempat-tempat persendirian dan pelanggan bebas memilih kaedah mana yang mereka suka, untuk selama 2 - 3 jam, bayarannya ialah di antara \$15 - \$20.

(e) Untuk bermalam bersama-sama pondan-lacur ini dari pukul 11.30 hingga pagi, bayarannya di antara \$20 - \$30 semalam.

Dalam satu bulan, pondan-lacur ini tidak dapat bekerja pada tiap-tiap hari. Gangguan cuaca seperti hujan menghalang mereka bekerja kerana tempat mereka bekerja tidak ada beratap. Mereka juga perlu rihat dan kadang-kadang mereka tidak bekerja kerana sakit. Jadi pada dasarnya dalam satu bulan, mereka hanya keluar bekerja 20 hari. Purata pendapatan bagi satu hari ialah \$25. Dengan demikian, pendapatan mereka sebulan ialah \$500.

Pondan-lacur didapati tidak menunjukkan satu gaya hidup 'sophisticated' seperti pelacur kelas atas. Mereka tidak juga

menunjukkan satu gaya hidup yang amat rendah dan menyediakan seperti pelacur kelas rendah. Gaya hidup mereka adalah sederhana, baik dari segi pakaian maupun makanan. Dari kajian yang dijalankan, mereka berbelanja kepada perkara-perkara berikut, dan perangkaan ini adalah purata belanja hidup satu bulan,

JADUAL 7

PERBELANJAAN HIDUP PONDAN-LACUR SEBULAN

<u>Keperluan</u>	<u>Jumlah perbelanjaan</u>	<u>Peratus</u>
Sewa rumah/bilik	\$60	12
Alat solek-menyolek	\$40	8
Pakaian	\$60	12
Tambang kenderaan	\$40	8
Makanan	\$200	40
Perubatan	\$30	6
Simpanan	\$70	14
JUMLAH	\$500	100

Dari perangkaan di atas, selain daripada wang yang dibelanjakan, kita dapati pondan-lacur ini dapat menyimpan sebanyak 14% daripada wang pendapatan keseluruhan mereka. Mengikut maklumat yang diberi, mereka tidak menyimpan wang ini di Pejabat Pos atau Bank-bank tetapi mereka simpan di tempat-tempat penginapan mereka.

Pondan-lacur ini biasanya berkongsi dua orang menyewa satu bilik dengan kendak mereka atau sesama mereka. Dari segi makan, mereka lebih kerap membeli barang-barang makanan yang sudah dimasak. Mereka memasak hanya sekali sekala sahaja. Mereka yakin dengan membeli makanan dan lauk-pauk yang telah dimasak adalah lebih menyenangkan mereka. Tambahan pula mereka tinggal di tengah-tengah bandar di mana segala kemudahan makanan boleh didapati.

Berhubung dengan alat solek-menyelek dan pakaian, kedua-dua unsur ini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan mereka. Mereka memerlukan 'make-up' untuk mendandan wajah supaya dilihat menarik. Begitu juga pakaian mereka mestilah daripada jenis yang tidak semestinya mahal, tetapi fesyennya haruslah daripada potongan yang dapat menarik mata pelanggan. Pakaian yang sedikit mendedahkan sebahagian daripada tubuh badan adalah menjadi pilihan utama. Pakaian yang digunakan untuk kerja biasanya berbeza daripada pakaian yang digunakan di rumah. Di rumah, kain batik sarung adalah menjadi pilihan utama.

Oleh kerana tempat mereka menginap itu lebih kurang di antara satu hingga dua batu daripada tempat mereka bekerja, maka mereka terpaksa juga berbelanja untuk tambang beca dari rumah ke tempat kerja dan di sebaliknya. Ongkos ini biasanya di antara \$1.50 - \$2.00 sehari.

Pada dasarnya setelah diteliti, adalah didapati bahawa perbelanjaan hidup pondan-lacur ini merupakan 36% daripada pendapatan mereka sebulan. Ini bererti 14% daripada pendapatan mereka dapat dipergunakan.

dikumpul dan disimpan. Hasil simpanan yang dikumpul selama beberapa tahun ini selalunya digunakan untuk membeli barang-barang berharga seperti radio, gram, kerusi set dan lain-lain. Maka tidak hairanlah bahawa pengkaji mendapati salah seorang pondan-lacur yang veteran ini mempunyai televisyen, set kerusi rihat, radiogram yang semuanya dibeli dengan bayaran tunai¹. Beberapa orang yang lain mengakui membeli barang-barang kemas seperti gelang dan cincin emas daripada hasil wang simpanan mereka. Pada pendapat mereka perbuatan demikian adalah satu cara menyimpan yang baik kerana tatkala kesuntukan wang, barang-barang kemas ini dapat dijadikan cagaran untuk mendapat wang tunai.

KESIMPULAN

Dari tajuk 'pendapatan dan perbelanjaan', dapat dirumuskan bahawa pondan-lacur ini hidup secara sederhana. Mereka sebenarnya mampu untuk menampung hidup sehari-hari dengan cara yang boleh dianggap sederhana dan tidak berlebihan. Mereka menjalani kehidupan yang agak terjamin secara 'temporary', ada tempat tinggal, cukup pakai dan cukup makan, malahan mempunyai sedikit lebih pendapatan. Namun demikian keadaan yang begini adalah di bayangkan tidak dapat berterusan hingga umur tua, kerana 'kemudahan' dan kepandaian memikat digunakan untuk mencari wang pada masa ini. Akan sampailah satu masa nanti 'kemudahan' akan hapus dan mereka tidak akan tidak diperlukan lagi sebagai sumber sekut. Jika mereka mempunyai cukup wang simpanan, maka wang itu bolehlah digunakan untuk berbelanja di hari-hari yang kemudian.

1. Lawatan pengkaji ke rumah Ani Nak Engku.

BAB 5

PENUTUP

Mengikut ukuran pengkaji, sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat umum, terutama masyarakat tempatan terhadap gerak kerja pondan-lacur ini adalah neutral. Sebagai satu perbandingan, jika ada satu pihak atau kumpulan dalam masyarakat yang membuat kerja-kerja sosial yang boleh memberi kebajikan kepada umum, mereka biasanya akan mendapat penghargaan dan sanjungan daripada orang ramai. Begitu juga, kalau ada satu-satu pihak atau kumpulan dalam masyarakat yang melakukan sesuatu yang mendorong kepada keruntuhan nilai dan akhlak masyarakat seperti mengedor dadah, mereka sering akan mendapat kecaman dan cemuh dari masyarakat. Apa yang nyata di sini ialah aktiviti yang dijalankan oleh pondan-lacur ini, walaupun pada dasarnya membawa kepada keruntuhan moral dan kerendahan akhlak, namun ia hanya dianggap sepi oleh semua pihak dalam masyarakat tempatan.

Jarang terdengar apa-apa ulasan semada ulasan yang menyokong atau mengecam perlakuan ini. Pengkaji beranggapan bahawa sikap sedemikian timbul di kalangan masyarakat mungkin kerana ada setengah pihak yang mahukan gejala itu terus kelak dalam masyarakat. Mungkin ada pula pihak yang berpendapat gejala ini tidak membawa kepada keruntuhan nilai-nilai sosial, kerana mereka yang terlibat amat kecil bilangan mereka.

Dari kajian ini juga, adalah didapati pengaruh sirkular seperti cara hidup masyarakat yang lebih mirip kepada hidup cara moden serta pengaruh urbanism dan modenisasi bandar telah membawa mereka ke alam perniagaan yang lebih terbuka. Sekatan-sekatan sosial semakin berkurangan. Norma dan nilai dalam masyarakat telah berubah. Nilai-nilai berat adalah lebih diutamakan. Faktor-faktor ini telah menjadi pendorong dan galakan kepada aktiviti pondan-lacur yang lebih meluas.

Bilangan mereka dalam masyarakat adalah amat kecil. Mereka pada mulanya terdorong kepada homoseks kerana sebab-sebab terlalu sayangkan bapa, sikap kasar ibu-ibu atau wanita-wanita yang ujud dalam kehidupan mereka semasa kecil atau kerana diperkosa dan dipaksa oleh orang-orang tertentu untuk melakukan hubungan jenis dengan mereka. Faktor-faktor ini adalah faktor 'psychological' yang telah mengubah haluan hidup mereka. Tambahan pula dari segi genetiknya mereka banyak memiliki sifat-sifat wanita.

Pada peringkat umur yang lebih dewasa, mereka telah terdorong menjadi pelacur kerana itu sahajalah satu-satunya cara bagaimana mereka boleh mengatasi desakan ekonomi yang mereka alami. Tambahan pula dengan jalan itu juga tuntutan batin mereka turut dapat dipenuhi. Mereka tidak akan jadi begini kiranya kalau tidak kerana sikap acuh tidak acuh pihak ibu-bapa dan penjaga terhadap mereka. Mereka kurang diberi tumpuan perhatian dibandingkan dengan anggota keluarga yang laih. Mereka tidak diberi pendidikan secara adil dan yang lebih diutamakan

untuk mereka ialah hanya kerja-kerja yang bersangkutan dengan rumah-tangga. Akhirnya mereka jadi jemu dan tidak puas hati dengan keadaan yang ujud. Hal ini timbul kerana daripada kecil lagi mereka ini seolah-olah 'handicapped' kerana pertumbuhan jasmani mereka tidak normal. Dengan demikian, sebagai penyelesaian, mereka merujuk kepada menjadi pondan-lacur.

Dalam komuniti pondan-lacur yang menjadi tumpuan pengkaji, komuniti kecil ini hampir semuanya terdiri daripada bangsa Melayu yang berumur di antara 17 hingga 32 tahun. Hampir semua mereka berasal daripada beberapa tempat yang berlainan di Kelantan dan di sana mereka tinggal berhampiran dengan bandar dan pekan-pekan. Dengan sebab itu dari kecil lagi, mereka sudah terdedah kepada pengaruh 'urban'. Pendidikan mereka sangat rendah, kebanyakannya hanya setakat bersekolah rendah kecuali sebilangan kecil yang sampai ke Sekolah Menengah Rendah.

Mereka menjalankan perkhidmatan di waktu malam. Pendapatan mereka adalah sederhana. Terdapat sedikit lebih pendapatan berbanding dengan perbelanjaan. Lebih pendapatan ini semada di simpan atau digunakan untuk membeli barang-barang yang mahal.

Adalah di ramalkan bahawa dengan bertambah pesatnya pertumbuhan bandar, perkembangan urbanisasi dan modernisasi semakin mendapat tempat, maka dipercayai nilai-nilai sirkular juga akan lebih banyak di praktiskan di dalam masyarakat. Dengan itu dipercayai jumlah pondan yang akan melibatkan diri dengan aktiviti pelacuran akan turut bertambah.

Oleh kerana gejala pertambahan ini adalah satu perkara yang tidak harus digalakkan, kerana di samping ianya satu penyelewengan tingkah laku, sifatnya juga boleh merendah dan menjatuhkan nilai moral ahli masyarakat. Dengan itu mereka seharusnya dielakkan dari jatuh kekancang pelacuran. Adalah disyorkan bahawa pihak ibu-bapa dan penjaga seharusnya memberi perhatian yang lebih kepada kanak-kanak yang sedar lemah peribadi mereka. Jika mereka didapati lemah secara 'psychological' mereka sepatutnya diberi perhatian dan rawatan. Mereka harus dapat dibimbing ke jalan yang lebih baik dan terang. Jangan mereka ditinggalkan terus tenggelam dalam dunia kokociawan ini. Pihak orang ramai sepatutnya tidak digalakkan mencaci mereka, kerana perbuatan demikian seolah-olah seperti mengutuk orang yang telah sedia salit. Mereka seharusnya diberi nafas baru untuk hidup dengan lebih normal dan bermakna sebagai manusia biasa. Dengan itu barulah akan tercapai keadilan sosial.

11. Hartman, Michael, *Child Abuse*, Collins Fes. Nelle, Franklin,
New York, 1974.
12. No. 22, Hartman, Michael, *Child Abuse*, Collins, Franklin and
London, New William Publishing Company Inc., New York,
1976.
13. Prof. Donald R. Orlitzky, *Dr. William Thompson*, London, New York,
1976.

BIBLIOGRAPHY

1. Amos, E.William, Delinquency Prevention, Theory and Practice, Prentice Hall, Inc. New Jersey, 1969.
2. Bell, Robert R, Social Deviance, A Substantive Analysis, The Dorsey Press, Home Wood, Illinois, 1976.
3. Burt, John.J, Education for Sexuality, W.B.Saunders Company, Philadelphia, 1975.
4. Caprio, Frank.S, Variations in Sexual Behaviour, Grove Press Inc.New York.
5. Churchill, Wain Wright, Homosexual Behaviour Among Males, Hawthorn Books, New York, 1967.
6. Devi, Sakuntala, The World of Homosexuals, Vikas Publishing House Pvt.Ltd.New Delhi, 1977.
7. Dutty, Clinton T., Sex and Crime, Double Day and Company, New York, 1965.
8. Hooker, Evelyn, 'The Homosexual Community' di dalam Jack D. Douglas, Observations of Deviance, Random House, New York 1970.
9. Henslin, James M., Studies in the Sociology of Sex, Southern Illinois University, Edwardsville, Nigeria.
10. Kinsey, Alfre C., Sexual Behaviour in Human Male, W.B. Saunders Company, Philadelphia, 1948.
11. Martins, Weinberg and Williams, Collin J., Male Sexuality, Their Problem and Adaptations, Oxford University Press, New York, 1974.
12. Mc.Caghy, Charles.H, Deviant Behaviour, Crime, Conflict and Interest Group, Mac Millan Publishing Company Inc.New York 1976.
13. Taft, Ronald R, Criminology, Mc Millan Company Inc.New York 1976.